→ SIHAT

# Batuk berterusan perlu rawatan segera



"Diagnosis dan rawatan awal adalah penting bagi pesakit untuk membantu melambatkan penyakit ini daripada berkembang"

***Prof Dr Roslina Abdul Manap,*** *Perunding Kanan Pakar Perubatan Respiratori Universiti Kebangsaan Malaysia*



**Info**

**Gejala IPF:**
- → **Sukar** bernafas.
- → **Batuk** kering berpanjangan.
- → **Keletihan**.
- → **Hilang** selera makan.
- → **Hujung** jari menjadi bengkak dan membulat.
- → **5 juta** orang mengalami IPF di seluruh dunia.
- → **Berusia** 45 tahun ke atas
- → **Kadar** kelangsungan hidup 2 hingga 5 tahun.
- → **Kurang** 5 peratus menjalani pemindahan paru-paru

**Faktor risiko IPF:**
- → **Merokok** (sebelum atau pada masa kini).
- → **Terdedah** kepada habuk tertentu.
- → **Jangkitan** viral.
- → **Penyakit** refluk gastro-esophageal (GERD).




## Tanda awal paru-paru mengeras kesan kekurangan oksigen

**Oleh Halina Mohd Noor**
halina_mdnoor@bh.com.my

Batuk berterusan atau sesak nafas apabila menaiki tangga dalam kalangan individu pertengahan usia dan warga emas berkemungkinan mungkin dianggap sekadar tanda awal proses penuaan.

Gejala itu berkemungkinan berpunca daripada sejenis penyakit paru-paru yang mengeras atau dikenali sebagai fibrosis pulmonari idiopatik (IPF).

IPF menyebabkan pundi air di dalam paru-paru rosak dan menyebabkannya mengalami kesan parut seterusnya menjadi keras dan gagal berfungsi sepenuhnya.

Pundi udara di dalam paru-paru tidak dapat berkembang sebanyak diperlukan menyebabkan oksigen yang masuk ke dalam salur darah berkurangan seterusnya mengganggu fungsi paru-paru dan organ lain.

IPF boleh membawa maut selepas dua hingga tahun mengalaminya malah lebih bahaya daripada barah.

Perunding Kanan Pakar Perubatan Respiratori Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Roslina Abdul Manap, berkata punca IPF tidak diketahui dan lebih daripada separuh pesakit gagal dikesan.

### Gejala seperti asma

Serangan itu kata beliau, sering disalah anggap sebagai penyakit pernafasan seperti asma atau sekatan pulmonari kronik atau OCPD kerana ciri dan gejala sama.

"Bagi separuh pesakit, mereka mengambil masa sekurang-kurangnya setahun untuk mengesahkan menghidap IPF menyebabkan keadaan kritikal kerana penyakit berkembang dengan pantas," katanya.

Pesakit biasanya mendapati mereka sukar bernafas secara beransur ansur dan mudah merasa letih apabila melakukan aktiviti fizikal seperti menaiki tangga.

"Diagnosis dan rawatan awal adalah penting bagi pesakit untuk membantu melambatkan penyakit ini daripada berkembang.

"Buat masa ini tiada penawar untuk penyakit ini tetapi tujuan utama rawatan untuk melegakan gejala," katanya.



### Kurangkan parut, halang pengeluaran kolagen

Esbriet adalah sejenis ubat anti fibrotik membantu pesakit IPF mengekalkan lebih banyak fungsi paru-paru.

Bertindak mengurangkan parut atau fibrosis dengan menghalang pengeluaran kolagen serta pertumbuhan dan faktor keradangan.

Beberapa analisis menunjukkan berbanding plasebo, Esbriet menyebabkan pengurangan sebanyak 48 peratus dalam risiko sebab kematian (sebarang punca kematian) setahun selepas rawatan dimulakan.